

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	18 APRIL 2017

# 'Sewa sambil menyimpan' untuk kesejahteraan rakyat

BH - 18/4/2017

➔ Skim sewaan pangsapuri RM800 sebulan, termasuk RM300 sebagai tabungan dikembalikan selepas 5 tahun.

Oleh **Luqman Arif Abdul Karim**  
luqman.arif@bh.com.my

✦ Kuala Lumpur

**K**erajaan memperkenalkan skim 'sewa sambil menyimpan' bagi membantu warga kota berpendapatan sederhana menyewa kediaman pada kadar lebih rendah berbanding pasaran selain mengumpul deposit untuk membeli rumah sendiri.

Menerusi inisiatif berkenaan, kadar sewaan pangsapuri dilengkapi kemudahan seperti surau, kolam renang, dewan dan tempat letak kereta itu hanya RM800 sebulan, termasuk RM300 sebagai tabungan

yang akan dikembalikan selepas tempoh lima tahun.

Skim berkenaan diperkenalkan bagi projek Pangsapuri Bandaraya di Sungai Udang, Segambut di sini, mengandungi dua blok bangunan masing-masing 32 dan 34 tingkat yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, semalam.

## Pembangunan unik

Najib menyifatkan projek berkenaan sebagai pembangunan unik dan pertama seumpamanya kerana lokasinya terletak di kawasan nadi ibu kota, selain kadar sewa yang ditawarkan lebih rendah daripada pasaran.

"Sewa sebulan sebenarnya RM500, tetapi kita peruntukkan ta-

bugan RM300 yang akan dipulangkan selepas tamat tempoh sewaan lima tahun. Selepas lima tahun, penyewa ada tabungan RM18,000 untuk digunakan sebagai deposit membeli kediaman baharu.

"Inilah antara keunikan projek Pangsapuri Bandaraya yang disediakan untuk golongan berpendapatan bawah RM10,000 sebulan," katanya ketika merasmikan majlis pecah tanah projek berkenaan.

Yang turut hadir, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor serta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar.

Perdana Menteri berharap projek berkenaan tidak menerima na-

sib sama seperti kes projek kediaman Residensi Kerinchi di Lembah Pantai yang menjadi mangsa dakyah pembangkang.

## Rakyat didahulukan

"Masyarakat kena bezakan antara hak dan batil kerana sebagai kerajaan, kita tidak pernah tipu rakyat. Kerajaan Barisan Nasional (BN) masih berpegang kepada slogan kata 'rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan,'" katanya.

Najib yang juga Menteri Kewangan, berkata kerajaan sentiasa mengamalkan pendekatan menggabungkan ekonomi modal dan rakyat supaya tiada penduduk yang tercicir daripada arus pembangunan.